

27 OCT 1999

AIDS-Suara

SUARA ASIA MESTI DIDENGAR, KATA MARINA

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Kongres Antarabangsa kelima mengenai Aids di Asia Pasifik (5th ICAAP) harus dijadikan landasan bagi suara Asia Pasifik didengar pada forum-forum antarabangsa mengenai Aids pada masa depan.

Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata ini penting memandangkan kebanyakan penghidap HIV/Aids ialah dari rantau berkenaan.

"Kebanyakan forum antarabangsa mengenai Aids memihak kepada Barat," kata beliau dalam ucapan penutupan kongres selama itu di sini yang berakhir hari ini.

Beliau berharap rumusan daripada kongres itu akan dibincangkan secara lanjut pada Kongres Aids Antarabangsa di Durban, Afrika Selatan pada Julai tahun depan.

Marina berkata walaupun perkara berhubung dengan paten dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sukar difahami, usaha harus dijalankan sekarang untuk mengatasinya kerana ia membabitkan proses membuat keputusan mengenai perkara berkaitan pembawa HIV dan pesakit Aids.

Marina berkata ICCAP menjadi platform penting bagi Malaysia untuk membuat persiapan menangani wabak HIV/AIDS yang semakin kritikal di kebanyakan negara Asia.

Kongres itu antara lain membincangkan kesukaran yang dihadapi oleh negara membangun untuk membeli ubat pada harga lebih murah bagi pesakit HIV dan AIDS disebabkan masalah berkaitan paten di bawah regim WTO.

Kira-kira 3,000 dari 67 negara menghadiri kongres itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kongres akan datang akan berlangsung di Melbourne, Australia pada tahun 2001.

-- BERNAMA

MEO FAZ